

10.6.2021_Berita Harian_Media Lega, Hargai Keprihatinan Kerajaan

Media lega, hargai keprihatinan kerajaan

Putrajaya: Pemberian pertama suntikan vaksin COVID-19 kepada pengamal media yang bermula semalam, memberi kelegaan kepada mereka yang turut berada di barisan hadapan untuk terus berkhidmat dan menyahurkan maklumat kepada orang ramai.

Buat permulaan, seramai 100 pengamal media dari pelbagai agensi di sekitar Lembah Klang dan Putrajaya menerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Dewan Sri Seroja secara berperingkat bermula pada jam 9 pagi sehingga 12.30 tengah hari.

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital BH, M Thillnadan, mengucapkan terima kasih kepada Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) kerana memberi keutamaan kepada pengamal media mendapatkan vaksin berikutan tuntutan kerja yang terpaksa turun padang setiap hari bagi mendapatkan berita.

"Diharapkan pemberian vaksin kepada lebih 5,000 pengamal media dapat disegerakan kerana kami juga petugas barisan hadapan yang terpaksa bekerja setiap hari dan bertemu orang ramai," katanya ketika ditemui selepas proses itu.

Ditanya pengalamannya menerima vaksinasi di PPV berkenaan, Thillnadan berkata, sukar melawan dan pegawai yang bertugas sangat profesional dan ramah serta banyak membantu memudahkan proses sebelum di vaksinasi.

"Sebagai penerima terawal dalam kalangan media, sudah tentu sedikit gementar sebelum me-



Saifuddin (tengah), Dr Adham (empat dari kanan) dan Khalry (tiga dari kiri) bersama pengamal media ketika melawat program kumpulan pertama pengamal media yang menerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin, Putrajaya, semalam.

nerima suntikan. Namun dengan penerangan yang jelas diberikan pegawai bertugas, ia sedikit sebanyak memberi ketenangan dan keyakinan kepada saya untuk menerima suntikan vaksin.

"Secara keseluruhannya, prosedur amat lancar dan selesai tidak sampai satu jam, hanya sekitar 20 minit termasuk sesi pemantauan selama 15 minit," katanya.

Wartawan The New Straits Times (NST), Arfa Yunus, 33, bersyukur akhirnya pengamal me-

dia dapat menerima vaksinasi berkenaan kerana mereka sangat terdedah kepada risiko jangkitan COVID-19 berikutan perlu selalu ada di lapangan.

"Jadi pemberian vaksin ini amat bermakna kepada kami dan berharap rakan media yang masih belum menerima janji temu di MySejahtera, akan disegerakan," katanya.

Presiden Kelab Media Putrajaya (KMP), Wan Zahri Azzul Wan Mohd Sudin, juga berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan ruang vaksinasi ke-

pada pengamal media.

"Kita tahu vaksin ini bukan jaminan untuk pengamal media tidak dijangkiti COVID-19, namun ia mampu memberi perlindungan sekiranya mereka dijangkiti, ia tidaklah memberikan komplikasi yang teruk dan memudahkan."

"Apa lagi kini dengan kewujudan varian baharu yang dikatakan lebih ganas dan teruk," katanya memaklumkan, seramai 21 pengamal media di bawah KMP menerima suntikan vaksin dalam kumpulan pertama.